



17 Oktober 2023
17 October 2023
P.U. (B) 457

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

LAPORAN HAKIM PILIHAN RAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 37(4)

REPORT OF AN ELECTION JUDGE UNDER SUBSECTION 37(4)

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

LAPORAN HAKIM PILIHAN RAYA DI BAWAH SUBSEKSYEN 37(4)

MENURUT subseksyen 37(4) Akta Kesalahan Pilihan Raya [*Akta 5*], Suruhanjaya Pilihan Raya menyiarkan laporan bertarikh 4 Oktober 2023, yang ditunjukkan dalam Jadual, yang dibuat oleh Yang Arif Hakim Anselm Charles Fernandis, Hakim Pilihan Raya, Mahkamah Tinggi di Malaya berhubung dengan perbuatan rasuah.

ELECTION OFFENCES ACT 1954

REPORT OF AN ELECTION JUDGE UNDER SUBSECTION 37(4)

PURSUANT to subsection 37(4) of the Election Offences Act 1954 [*Act 5*], the Election Commission publishes the report dated 4 October 2023, as shown in the Schedule, made by the Honourable Justice Anselm Charles Fernandis, Election Judge, High Court in Malaya in relation to corrupt practice.

JADUAL/SCHEDULE

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA
TERENGGANU
DALAM NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN, MALAYSIA
PETISYEN PILIHAN RAYA NO: TA-26PP-3-01/2023**

ANTARA

WAN MOHAMAD HISHAM BIN WAN ABDUL HAMID
[NO. KP: 680108-11-5021] ... **PEMPETISYEN**

DAN

CHE ALIAS BIN HAMID
[NO. KP: 660602-11-5299] ... **RESPONDEN**

Kepada:

Pengerusi
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia
Menara SPR
No.2 Jalan P2T, Presint 2
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA.

**Perakuan Hakim Pilihanraya Menurut Seksyen 37 Akta
Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5]**

Petisyen Pilihan Raya bertarikh 03 Januari 2023 ini telah difailkan oleh Wan Mohamad Hisham bin Wan Abdul Hamid (Pempetisyen) menurut Seksyen 32 (c) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 [Akta 5] untuk suatu perintah bahawa Che Alias bin Hamid (Responden) tidak dipilih atau dilaporkan dipilih dengan sewajarnya dalam pilihan raya bagi bahagian pilihan raya Parlimen Kemaman (P.040) yang diadakan pada 19 November 2022 dan untuk suatu pengisytiharan

bahawa pilihan raya bagi bahagian pilihan raya Parlimen Kemaman (P.040) yang diadakan pada 19 November 2022 adalah tidak sah dan terbatal atas alasan bahawa suatu perbuatan penyogokan atau perbuatan rasuah telah dilakukan bagi bahagian pilihan raya tersebut oleh Responden atau ejen-ejen Responden.

Dan setelah menjalankan perbicaraan dan mendengar keterangan saksi-saksi yang diberikan mulai 13 Jun 2023 sehingga 10 Julai 2023, saya selaku Hakim Pilihan Raya, telah pada 26 September 2023 memutuskan dakwaan-dakwaan Pempetisyen seperti berikut:

- (i) **Berkenaan Sogokan semasa Majlis Pengagihan Bantuan One-Off Ibu Tunggal, Orang Kurang Upaya, Pencen Rakyat DUN Chukai di Dewan Sri Amar, Kemaman (Perenggan 9 Petisyen Pilihan Raya).**

Saya mendapati bahawa Pempetisyen telah membuktikan bahawa ada pemberian wang dalam Majlis tersebut di Dewan Sri Amar pada 15.11.2022. Pemberian wang tersebut berlaku semasa kempen PRU 15. SP4 telah memberi satu ucapan semasa majlis tersebut untuk mendorong penerima-penerima one-off bantuan ibu tunggal, OKU dan Pencen Rakyat untuk menundi Parti Islam se Malaysia (PAS). SP4 merupakan ejen kepada Responden. Pembahagian wang pada ketika itu adalah bertujuan memancing atau mempengaruhi pengundi-pengundi berdaftar untuk memilih calon undi PAS iaitu Responden.

- (ii) Berkenaan:
 - (a) **Sogokan sempena Majlis Bantuan i-Belia di Dewan Sri Amar, Kemaman pada 15 November 2022 (Perenggan 9 Petisyen Pilihan Raya).**

- (b) Sogokan sempena Majlis Bantuan i-Siswa di Dewan Sri Amar, Kemaman pada 17 November 2022 (Perenggan 11 Petisyen Pilihan Raya).**

Bagi majlis penyampaian i-Belia (15.11.2022) dan i-Siswa (17.11.2022) saya mendapati ada bukti untuk menunjukkan penerimaan wang bagi kedua-dua one-off i-Belia dan i-Siswa. Ini diakui oleh SP4 sendiri. SP3 telah menerangkan bahawa beliau telah memohon bantuan i-Siswa melalui online dan telah menerima RM150 pada 17.11.2022.

Selain itu ada ucapan oleh SP4 yang mendorong penerima-penerima i-Siswa untuk mengundi PAS, ada juga gambar-gambar serta audio dan video berkaitan sogokan wang dan perbuatan mempengaruhi penerima-penerima one-off i-Belia dan i-Siswa. Juga majlis pada 15.11.2022 dan 17.11.2022 saya dapati SP4 adalah ejen kepada Responden. Saya dapati pihak Pempetisyen telah buktikan ada sogokan dalam kedua-dua majlis tersebut.

- (iii) Berkenaan:**

- (a) Pemberian Wang Sogokan Berjumlah RM150.00 kepada pengundi-pengundi Berdaftar tersebut di Majlis Penyerahan i-Belia di Dewan Sivil, Kerteh pada 15.11.2022. (Perenggan 19 Petisyen Pilihan Raya).**
- (b) Pemberian Wang Sogokan Berjumlah RM150.00 kepada pengundi-pengundi Berdaftar tersebut di Majlis Penyerahan i-Siswa di Dewan Sivil, Kerteh pada 17.11.2022. (Perenggan 20 Petisyen Pilihan Raya).**

Bagi dakwaan ini saya berpuas hati bahawa terdapat penerimaan wang oleh pengundi-pengundi berdaftar bagi one-off i-Belia dan i-Siswa. Fakta ini telah dibuktikan dengan penerimaan wang oleh penerima-penerima pengundi berdaftar. Malah ianya diakui oleh SP5 sendiri. Responden telah menghadiri di kedua-dua tarikh iaitu pada 15.11.2022 dan 17.11.2022. Saya berpendapat bahawa lawatan beliau telah mempengaruhi penerima-penerima one-off bagi i-belia dan i-Siswa untuk mengundi PAS. Saya dapati bahawa SP5 adalah ejen bagi Responden dan sogokan telah dibuktikan dalam kedua-dua majlis.

(iv) Berkenaan:

- (a) Pemberian Wang Sogokan berjumlah RM150.00 kepada Pengundi-pengundi berdaftar tersebut di Malis Penyerahan i-Siswa di DITC Teluk Kalong (Perenggan 17 Petisyen Pilihan Raya).**
- (b) Pemberian Wang Sogokan Berjumlah RM150.00 kepada penundi-pengundi berdaftar tersebut di Majlis Penyerahan i-Belia di Kompleks Paya Lasir (Perenggan 18 Petisyen Pilihan Raya).**

Berkenaan para 17 dan 18, saya dapati SP6 dan SP7 adalah ejen Responden. Walaupun saya dapati ada keterangan pemberian wang bagi one-off i-Belia dan i-Siswa saya berpendapat unsur "inducement" untuk penerima-penerima one-off i-Belia dan i-Siswa untuk mengundi PAS gagal dibuktikan oleh Pempetisyen bagi kedua-dua Majlis.

Keputusan saya bagi kes petisyen pilihan raya ini adalah terdapatnya unsur-unsur rasuah bagi bahagian pilihan raya Parlimen ini. Namun begitu saya tidak menamakan mana-mana pihak.

Berdasarkan sebab-sebab yang dinyatakan di atas, saya berpendapat bahawa Pempetisyen telah berjaya membuktikan melampaui keraguan munasabah perbuatan rasuah di bawah Seksyen 10(a) (c) dan (e) Akta 5 di mana wang telah diberikan kepada pengundi-pengundi atau pemilih-pemilih oleh ejen Responden sebagai dorongan untuk mengundi Responden semasa pilihan raya.

Oleh yang demikian, saya mendapati bahawa terdapatnya perbuatan rasuah berkaitan dengan pilihan raya tersebut yang telah dilakukan dengan pengetahuan Responden selaras dengan Seksyen 32 (c) Akta 5. Justeru itu, selaras dengan Seksyen 36 (1) Akta 5, saya mengisytiharkan pilihan raya bagi kawasan Parlimen Kemaman (P.040) yang diadakan pada 19 November 2022 adalah terbatal.

Bertarikh: 4 Oktober 2023



ANSELM CHARLES FERNANDIS

Hakim Pilihan Raya